From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG SANTUNI PELAJAR BAHARU DALAM PROGRAM KEMBARA BERSAMA PUSAT PENGAJIAN
Date: Friday, 18 September, 2026 6:28:24 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

18 SEPTEMBER 2026 / 6 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Mohammad Amzari Bakri
Gambar oleh: Ahmad Termizi Othman

PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG SANTUNI PELAJAR BAHARU DALAM PROGRAM KEMBARA BERSAMA PUSAT PENGAJIAN



UUM OLINE: Pusat Pengajian Undang-Undang (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Program Kembara Bersama Pusat Pengajian sempena Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu Sesi 2026/2027 yang berlangsung di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 5/1 dan 5/2, baru-baru ini.

Program yang menghimpunkan seramai 131 pelajar baharu program Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian [LL.B (Hons)] dan Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan dengan Kepujian [BPLB (Hons)] itu bertujuan memberi pendedahan awal mengenai ekosistem pembelajaran, struktur akademik serta kemudahan yang disediakan oleh pusat pengajian.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dan taklimat umum mengenai Pusat Pengajian Undang-Undang yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah.



Dalam taklimat tersebut, beliau memperkenalkan latar belakang pusat pengajian, budaya kecemerlangan akademik, peluang pembangunan pelajar serta peranan warga akademik dalam memastikan kejayaan mahasiswa sepanjang tempoh pengajian di universiti.

Sesi seterusnya memberi fokus kepada taklimat program pengajian yang disampaikan oleh pengerusi program masing-masing.

Seramai 105 pelajar Program Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian [LL.B (Hons)] mengikuti taklimat di DKG 5/1 yang dikendalikan oleh Dr. Muhammad Nazrul Abd Rani. Taklimat tersebut merangkumi struktur kurikulum, keperluan akademik, latihan amali dan prospek kerjaya dalam bidang perundangan.



Di DKG 5/2, seramai 26 pelajar Program Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan dengan Kepujian [BPLB (Hons)] mengikuti sesi taklimat yang disampaikan oleh Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. Pelajar diberi penerangan mengenai keunikan program yang menggabungkan elemen falsafah, undang-undang dan perniagaan bagi melahirkan graduan yang berpengetahuan luas serta berdaya saing.

Turut hadir ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) yang menjalankan tugas Dekan, Prof. Madya Dr. Haslinda Mohd. Anuar;

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Asmar Abdul Rahim; Pengerusi Program Pascasiswazah, Dr. 'Ain Husna Mohd Arshad serta barisan staf akademik pusat pengajian.



Dr. Haslinda berkata, program ini merupakan sebahagian daripada pengisian Minggu Suai Kenal Universiti Utara Malaysia 2026 yang berlangsung dari 15 hingga 19 September 2026, bertujuan membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus dan persekitaran pembelajaran di universiti.

Melalui program ini, pelajar bukan sahaja memperoleh maklumat berkaitan pengajian mereka, malah berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pihak pengurusan dan pensyarah, sekali gus memupuk keyakinan serta semangat untuk memulakan perjalanan akademik di UUM.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.